

Dinar: Malaysia sudah sediakan mekanisme

UM 27 Mac 2000

KUALA LUMPUR 26 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia sudah menyediakan mekanisme bagi penggunaan dinar emas apabila mencadangkan supaya mata wang itu dijadikan perantara perdagangan antara-bangsa.

Menurut Perdana Menteri, sebarang masalah yang mungkin timbul ekoran daripada penggunaan mata wang itu boleh diselesaikan manakala risiko snekulasinya pula akan dapat dikurangkan.

Beliau menjelaskan, dinar emas dicadangkan untuk perdagangan antarabangsa sahaja dan tidak bermakna ia akan menggantikan mata wang bagi sesebuah negara.

"Saya harap anggota delegasi dapat meluangkan sedikit masa bagi memikirkan tentang idea penggunaan dinar emas ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan serentak Persidangan Pasaran Modal Islam Antarabangsa dan pelancaran Minggu Pasaran Modal Islam Antarabangsa di sini, hari ini.

Seramai 186 wakil syarikat-syarikat pasaran saham menyertai persidangan selama dua hari itu. Hadir sama ialah Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Ali Abdul Kadir.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, perdagangan antarabangsa memerlukan penetapan kadar pertukaran mata wang negara dagangan.

Menurutnya, mata wang kertas tidak mempunyai nilai intrinsik, menjadikan kadar tukaran sesuatu mata wang tertakluk kepada manipulasi seperti yang dilihat semasa krisis kewangan Asia.

Sebaliknya, menurut beliau, emas mempunyai nilai yang tetap berdasarkan kepada permintaan bagi logam itu.

"Nilainya mungkin meningkat atau susut me-

ngikut permintaan dunia dan permintaan di sesebuah negara. Tetapi kadar turun-naik itu adalah minimum," katanya.

Perdana Menteri berkata, dinar emas yang diperbuat daripada emas akan secara kasarnya mengikut harga emas.

Menurutnya, harga emas di sesebuah negara akan menentukan kadar tukaran mata wang tempatan berbanding dinar.

Oleh itu, katanya, harga barangan yang diimport dalam dinar boleh dikira dalam mata wang tempatan dan begitu juga sebaliknya bagi barangan tempatan untuk dieksport.

Dr. Mahathir berkata, dinar boleh bertindak sebagai rizab bank pusat dengan keperluan minimum bagi pergerakan.

"Perdagangan tidak perlu dibayar dalam dinar yang sebenar, tetapi import dan eksport bagi pa-

sangan negara dagangan boleh diimbangkan dan hanya perbezanya dibayar dengan dinar," katanya.

Katanya, lebih atau defisit pula boleh dikreditkan atau didebit bagi import atau eksport pada masa hadapan.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia perlu memastikan keseluruhan sistem kewangannya berjalan secara lebih lancar dan menyokong rangka kerja yang lebih bertenaga agar negara ini boleh menyeras kejutan masa depan yang timbul akibat pasaran kewangan antarabangsa yang belum dikawal selia.

Ini, kata beliau, perlu kerana pelaburan langsung asing (FDI) tidak semestinya berkisar tentang membawa masuk modal.

Menurut beliau, selalunya modal dipinjam di dalam negara dan digunakan untuk membayar

harga jentera yang diimport dan sebagainya yang menyebabkan aliran keluar modal.

"Adalah penting pasaran modal mengagih dana yang ada dengan cekap bagi menjanakan lagi pertumbuhan dan memastikan yang kita tidak terlalu bergantung kepada modal asing walaupun kita menyambut baik modal jangka panjang dengan tangan terbuka," katanya.

Menurutnya, negara ini telah banyak belajar daripada krisis mata wang Asia, termasuk ketamakan para pedagang mata wang, aliran portfolio yang kerap berubah-ubah dan "kredibiliti dan profesionalisme" mereka yang dipanggil penganalisis dan pakar ekonomi.

Yang lebih penting, jelas beliau, setiap negara perlu belajar mengenai keperitan yang disebabkan oleh globalisasi yang tidak dikawal dan

liberalisasi yang tidak dipantau ke atas ekonomi sedang membangun.

"Kita belajar tentang pentingnya melengkapkan diri kita sendiri, institusi kita, usaha niaga kita dan ekonomi kita dengan pengetahuan, kemahiran dan kekuatan dalaman bagi menangani gelombang globalisasi.

"Kita belajar bahawa bagi ekonomi sedang membangun, kedaulatan politik tanpa kedaulatan ekonomi tidak dapat memastikan kemerdekaan sebenar negara kita," katanya.

Sambil mengingatkan bahawa penganjur globalisasi mempunyai kepentingan untuk memperoleh sesuatu, Dr. Mahathir berkata, Malaysia akan memastikan negara ini menggunakan pengajaran lalu khususnya akibat manipulasi mata wang.